



## SIARAN AKHBAR

### **BILIF MENGANJURKAN HR RETREAT 2024 BERTEMAKAN “PEOPLE-CENTRIC LEADERS: INSPIRING TODAY, SHAPING TOMORROW”**

**Khamis, 26 Muharram 1446H bersamaan dengan 1 Ogos 2024M**

---

1. Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF) telah menganjurkan acara tahunan HR Retreat 2024 bertemakan “People-Centric Leaders: Inspiring Today, Shaping Tomorrow” pada hari Khamis, 26 Muharram 1446H | 1 Ogos 2024M. Acara ini telah dihadiri oleh seramai lebih 40 ahli profesional sumber tenaga manusia (HR) dari organisasi kerajaan dan swasta, diantaranya ialah Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Baiduri Bank Group.
2. Antaralain objektif acara berkenaan adalah untuk terus memupuk hubungan baik antara BILIF dengan pihak berkepentingan serta pelanggan-pelanggan BILIF, dan seterusnya menjadi sebuah platform bagi para peserta untuk membina rangkaian, bertukar-tukar pendapat sekaligus belajar antara satu sama lain. Acara tersebut juga bertujuan untuk membincangkan isu-isu dan tren semasa berkaitan dengan tenaga manusia serta strategi pemulihan dalam pembangunan modal insan.
3. Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Haji Awang Afero Eswandy Mohamad, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, BILIF. Ucapan beliau antarlainnya menyentuh mengenai peranan penting ahli profesional HR dalam mengurus dan memberi inspirasi kepada aset paling berharga dalam sesebuah organisasi – iaitu modal insan, terutamanya dalam keadaan dunia yang pesat berubah. Beliau menggesa pihak HR untuk mewujudkan persekitaran di mana individu dapat berkembang, bakat mereka dipupuk, dan mereka dapat menyumbang secara bermakna kepada kejayaan organisasi. Selain itu, beliau juga mengumumkan penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) BILIF bersama Society for Human Resource Management (SHRM) yang baru dimeterai. Kerjasama ini berlandaskan matlamat bersama iaitu bagi meningkatkan pembangunan dan kemahiran profesional sumber manusia, terutamanya di negara ini.
4. Acara tersebut diteruskan dengan beberapa buah pembentangan bagi sesi pagi bertajuk “HR Superpowers” yang telah disampaikan oleh pihak BILIF dan “People-Centric Leaders: Inspiring Today, Shaping Tomorrow” yang disampaikan oleh Soann Chng, Jurulatih Bersekutu (Asia Tenggara), SHRM.

Acara bersambung pada sebelah petang dengan bengkel bertajuk “Learning and Development Needs Analysis” yang disampaikan oleh Soann dan juga pihak BILIF.

5. BILIF, sebagai sebuah pusat kecemerlangan bagi industri kewangan di negara ini, sentiasa giat menjalankan misinya untuk membentuk pemimpin, pakar dan pemacu inovasi masa depan terutama dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan melalui program dan acara bertaraf antarabangsa. Maklumat lanjut mengenai BILIF boleh didapati melalui laman web BILIF di [www.bilif.com.bn](http://www.bilif.com.bn) atau akaun Instagram [@bilif.bn](https://www.instagram.com/bilif.bn).